

## DIBUANG KERJA AKIBAT POSITIF DADAH

### APA YANG TERJADI?

Seorang pembantu perawatan kesihatan di Hospital Z telah dilaporkan terbabit dengan penyalahgunaan dadah. Pegawai Perubatan di Hospital Z pada 15.6.2007 telah mengesah dan memperakukan bahawa pegawai ialah seorang penyalahguna dadah berbahaya jenis ganja. Pegawai berkenaan didapati bersalah di atas pertuduhan tersebut dan dikenakan hukuman 'buang kerja'



Contoh kesan penggunaan ganja

### PUNCA

- Pegawai berkenaan mendakwa dia mengalami masalah peribadi dan tekanan dan tidak sengaja terlibat dalam pengambilan dadah
- Pegawai berkenaan tertekan dengan masalah kesihatan dan keluarga
- Pegawai berkenaan memilih jalan mudah, 'escapism' ataupun melarikan diri berbanding memilih untuk menyelesaikan masalah



### TAULADAN

- Perlu berusaha untuk mencari pertolongan sekiranya menghadapi masalah sama ada dengan cara meluahkan perasaan kepada ahli keluarga, rakan-rakan atau mendapatkan bantuan profesional
- Sentiasa berfikiran rasional dengan memilih jalan yang baik dan bukannya memilih jalan mudah
- Tidak menjebakkan diri dengan penggunaan dadah kerana ia boleh menyebabkan ketagihan dan merosakkan masa depan